

DIMENSI KOOP

ISSN - 1823 - 1586 / BIL.75 (2/2023) / RM8.50

Building a
Sustainable Future
COOPKILIM'S
Green Initiative



MS ISO 9001:2015



REG. No. QMS 01-443

ISSN 1823-0008



01586

ISSN 1823-1586

RM 8.50

Bil.75 (2/2023)

www.ikma.edu.my

9 771823 000003





DARI MEJA KETUA EDITOR

Melalui penglibatan koperasi dalam pelbagai bidang perniagaan, usaha ini dilihat sebagai salah satu kaedah berterusan untuk meningkatkan pendapatan koperasi sekali gus menyumbang kepada KDNK negara.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Koperasi, Salam Malaysia Madani.

Dalam era teknologi dan digitalisasi yang kian pesat membangun, penjagaan terhadap alam sekitar tidak dapat dinafikan dan menjadi topik utama di seluruh dunia termasuk Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDGs) merupakan agenda yang digariskan bagi pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi oleh Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu pada 2015. SDGs ini menggariskan 17 matlamat yang perlu dicapai menjelang 2030 dan mula dilaksanakan pada 2016.

Justeru, bertepatan dengan Matlamat SDGs ke-8 iaitu menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua, gerakan koperasi dilihat sebagai salah sebuah entiti yang sentiasa menyokong penuh dalam aspirasi kerajaan. Dalam hal ini, gerakan koperasi turut bersama-sama merencanakan ekonomi negara di samping mengadaptasi teknologi dan digitalisasi khusus bagi meningkatkan kecekapan, akses pasaran dan pengurangan kos dalam jangka panjang. Melalui penglibatan koperasi dalam pelbagai bidang perniagaan, usaha ini dilihat sebagai salah satu kaedah berterusan untuk meningkatkan pendapatan koperasi sekali gus menyumbang kepada KDNK negara. Bahkan pelbagai usaha juga dilakukan dalam merealisasikan Matlamat SDGs

ke-2 yang memfokuskan untuk menamatkan kelaparan, mencapai jaminan makanan dan nutrisi yang lebih baik serta menggalakkan pertanian mampan tercapai dalam gerakan koperasi. Buktinya, gerakan koperasi pada hari ini secara agresifnya banyak melibatkan diri dalam bidang pertanian yang mampu memberi pulangan lumayan kepada sektor koperasi secara holistiknya.

Sehubungan dengan itu, Keluaran Dimensi Koop Bil. 75 (2/2023) kali ini masih mengekalkan 10 artikel menarik dengan satu artikel dalam Bahasa Inggeris berkaitan dengan aspek Matlamat Pembangunan Mapan atau SDGs yang dilaksanakan oleh koperasi dalam mengekalkan alam semula jadi di samping tidak menidakkan perkembangan teknologi.

Aspek penglibatan koperasi dalam aktiviti pertanian antara tumpuan utama di peringkat dasar kerajaan dengan beberapa inisiatif dan insentif di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Institut Koperasi Malaysia turut diperkenalkan dalam meningkatkan keupayaan koperasi dalam menyediakan ekosistem pertanian yang bersepadu. Artikel Krisis Makanan: Bersediakah Koperasi dan Pertanian Lestari Peluang Jana Pendapatan Koperasi? turut dimuatkan dalam terbitan Dimensi Koop kali ini.

Dalam mengekalkan pengurusan koperasi yang berkesan dan efektif, keluaran kali ini juga memberi panduan kepada pengurusan koperasi berkaitan aspek Tujuh Langkah Proses Perolehan Efektif serta Lima Langkah Mengelakkan Perniagaan Gagal yang perlu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh koperasi.

Selain itu, dalam aspek perniagaan, bagi koperasi yang tidak atau kurang mempunyai modal bagi menjalankan perniagaan, artikel Kelebihan Sistem *Consignment* dalam Perniagaan boleh dijadikan panduan untuk koperasi memulakan perniagaan.

Koperasi juga perlu mengambil peluang dalam kemajuan teknologi dan digitalisasi termasuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di media sosial seperti Facebook, Youtube dan TikTok. Untuk itu, kepentingan Keperluan *Content Creator* Dalam Membangunkan Kandungan bagi aspek pemasaran di koperasi perlu disediakan agar produk dan perkhidmatan koperasi tersebut dapat di pasar dan dicapai kumpulan yang disasarkan. Satu artikel berkaitan *content creator* juga diselitkan dalam keluaran kali ini.

Selain itu juga, terbitan kali ini turut memberi tumpuan kepada pembangunan komuniti dan kumpulan sasaran dalam koperasi. Penekanan kepada Koperasi Kariah Masjid dan Memperkasa Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Dalam Koperasi turut dimuatkan dalam dimensi kali ini.

Akhir kata, saya berharap penerbitan *Dimensi Koop* keluaran ke 75 ini menjadi inspirasi, panduan serta sempadan dalam meningkatkan keupayaan dan kompetensi ALK, pengurusan koperasi, koperator dan individu melalui pembacaan dalam meningkatkan lagi keupayaan koperasi bagi memperkukuh pengurusan dan pentadbiran di koperasi masing-masing. Insha-Allah.

Sekian, selamat membaca.

Mohd Zaik Mat Yunus

SIDANG REDAKSI DIMENSI KOOP



PENAUNG/PENASIHAT
YBhg. Datuk Mohd Ali Mansor
Ketua Pengarah

KETUA EDITOR
Mohd Zaib Mat Yunus

**TIMBALAN KETUA
EDITOR**
Najmah Nawawi

SIDANG EDITOR



Mohd Shahron Anuar
Said

Azmaliza Arifin

Norhayati
Abd. Rahman

Nor Azlina Kassim



Salwana Ali

Mohd Nusi Abd Rahman

Nor Arma Abu Talib

Farahaini Mohd Hanif



Hasrin Abu Hassan

Noranita Mohd Nor

Arfizawati Abd Hadi

Khairul Akmal Saim



Rohalinda Ahad

Julizah Sabstu

Intan Nur Azreen
Mohamad Radzi

Zaharatul Laili Zakaria


KANDUNGAN DIMENSI KOOP 75

08



**BUILDING A
SUSTAINABLE
FUTURE:
COOPKILIM'S
GREEN
INITIATIVE**

**STRATEGI *CLOSE SALES*
DALAM PERNIAGAAN**



34


42



**KRISIS MAKANAN:
BERSEDIakah KOPERASI?**

***CONTENT CREATOR*
KEPERLUAN KERJAYA
TERKINI DALAM
PENGURUSAN
PERNIAGAAN
KOPERASI**

18



26




**MEMPERKASA
GOLONGAN
ORANG KURANG
UPAYA (OKU)
DALAM
KOPERASI**

**PERTANIAN LESTARI
PELUANG JANA
PENDAPATAN KOPERASI**




50

**PENGIMARAHAN
KOPERASI KARIAH
MASJID: JIHAD KITA
BERSAMA**



68



82

**7 LANGKAH PROSES
PEROLEHAN EFEKTIF**



60

74



**KELEBIHAN
SISTEM
CONSIGNMENT
DALAM
PERNIAGAAN
KOPERASI**

**5 LANGKAH
MENGELAKKAN
PERNIAGAAN
GAGAL**